

21/10/1997

Selesema PM beransur baik

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beransur baik daripada selesema, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Bagaimanapun, menurut kenyataan itu, Dr Mahathir masih perlu berehat.

Menurut kenyataan itu lagi, atur cara lawatan bertugas Perdana Menteri ke London pada 21 dan 22 Oktober apabila beliau dijadual menyampaikan ucapan dasar pada beberapa persidangan dibatalkan.

Bagaimanapun, beliau dijadualkan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bersidang dari 24 hingga 27 Oktober di Edinburgh, Scotland.

"Perdana Menteri turut menyatakan rasa terharunya atas kehadiran beribu-ribu rakyat untuk menyambut ketibaannya di Kuantan serta menyertai majlis yang dianjurkan oleh DRB-HICOM di Pekan pada Sabtu lalu.

"Beliau dukacita kerana tidak dapat hadir pada majlis itu dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas sambutan rakyat serta sokongan mereka," kata kenyataan itu.

Sabtu lalu, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan bahawa Dr Mahathir tidak dapat menghadiri acaranya pada Sabtu, Ahad dan hari ini akibat selesema dan perlu berehat.

Berikut ialah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini:

"Adalah dimaklumkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beransur baik daripada mengalami selesema. Bagaimanapun, beliau masih perlu berehat. Dengan yang demikian aturcara lawatan bertugasnya ke London pada 21 dan 22 Oktober dan beliau dijadual menyampaikan ucapan dasar di beberapa persidangan adalah dibatalkan.

"Bagaimanapun beliau dijadualkan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bersidang dari 24 hingga 27 Oktober 1997 di Edinburgh, Scotland.

"Perdana Menteri turut menyatakan rasa sangat terharunya di atas kehadiran beribu-ribu rakyat untuk menyambut ketibaannya di Kuantan serta menyertai majlis yang dianjurkan oleh DRB-Hicom di Pekan pada Sabtu lalu. Beliau dukacita kerana tidak dapat hadir pada majlis-majlis itu dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sambutan rakyat serta sokongan mereka." - Bernama

(END)